

BERITA HARIAN, KHAMIS, 6 OGOS, 1981

Krisis UMNO Johor

Othman Saat tidak tergugat

JOHOR BAHRU, Rabu — Kedudukan Tan Sri Othman Saat sebagai Menteri Besar Johor dan Ketua Perhubungan UMNO Johor tidak tergugat akibat pergolakan kecil yang berlaku dalam UMNO Johor baru-baru ini.

Kedudukan beliau, sebaliknya menjadi semakin mantap dan 10 cawangan UMNO yang mahukan beliau bersara kini dalam keadaan "serbasalah", demikian pendapat lidah pengarang "Suara Johor" akhbar rasmi Kerajaan Johor dalam keluarannya terbaru.

UMNO Johor mensifatkan desakan 10 cawangan UMNO ini sebagai desakan kanak-kanak kecil, di samping mensifatkan krisis UMNO yang diperkatakan dengan hebat sejak kebelakangan ini sebagai "ribut dalam cawan" yang tidak akan mendatangkan kudis kepada Tan Sri Othman Saat.

Keyakinan ini, kata lidah pengarang itu, berdasarkan kepada kenyataan yang dibuat oleh Presiden UMNO Malaysia Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed, yang mahukan Tan Sri Othman terus memimpin Kerajaan Negeri Johor, setidak-tidaknya hingga pilihanraya umum akan datang.

Di saat kenyataan Perdana Menteri ini dikeluarkan, Tan Sri Othman baru sahaja gagal mendapatkan tempat dalam Majlis Kerja Tertinggi UMNO.

Kejayaan Tan Sri Othman mengekalkan kedudukannya hingga hari ini adalah kerana

sokong kuat UMNO Johor, setakat ini hanya 10 dari 912 cawangan di Johor yang mahukan beliau bersara.

Ini jelas menunjukkan pimpinan beliau dalam UMNO Johor dan Kerajaan Johor masih lagi diperlukan.

Berdasarkan ini, Tan Sri Othman tidak perlu tunduk kepada tekanan mana-mana pihak, kerana beliau bukan sahaja mendapat sokongan dari pucuk pimpinan parti tetapi juga dari ahli UMNO Johor.

Tan Sri Othman tidak boleh bersara sekarang, kerana pimpinan beliau masih lagi diperlukan dan kedua, jika beliau bersara, bermakna, UMNO Johor dalam "krisis".

UMNO Johor, kata lidah pengarang Suara Johor, tidak boleh dalam keadaan tegang kerana ia adalah nadi kekuatan UMNO Malaysia. Jika pucuk pimpinan UMNO Johor hendak bertukar ia mesti berlaku, dalam keadaan aman.